



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | | |
|---|----------------------------------|----|
| - | Tapak kosong milik JAIS dinodai? | 26 |
| - | Selangor belum bebas sampah | 27 |

Sinar Harian

- | | | |
|---|-------------------------------|----|
| - | Penuh sampah domestik, binaan | 23 |
|---|-------------------------------|----|

Chinapress

- | | | |
|---|--------------------------------------|----|
| - | Tapak pelupusan sampah membimbangkan | C4 |
|---|--------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tapak kosong milik JAIS dinodai?
Muka Surat	26



ABDUL RAZAK ABDUL WAHAB (hadapan) menuntut agar tapak terbiar yang menjadi lokasi longgokan sampah ini ditangani segera lebih-lebih lagi lokasinya bersebelahan Masjid Al-Azim, Pandan Indah serta berada dalam radius pandangan dari Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pandan Indah, Selangor. - UTUSAN/AMIN FARUJ HASAN

Tapak kosong milik JAIS dinodai?

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Ibarat kuman seberang laut nampak namun tidak gajah depan mata. Begitulah keadaan tapak lapang di Jalan Pandan Mewah di sini yang terbiar dihuni timbunan sisa sampah walaupun lokasinya tidak jauh dari Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Tapak kosong tidak berpagar didakwa milik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di antara Masjid Al-Azim dan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pandan Indah itu bukan sahaja mencemarkan pemandangan malah dikhuatiri menjadi sarang pembiakan haiwan berbsia.

Timbalan Pengerusi Persatuan Rekreasi Generasi Ampang Jaya, Abdul Razak Abdul Wahab berkata, tapak yang sebelum ini men-

jadi lokasi perniagaan kereta terpakai itu terbiar beberapa bulan sejak tempoh pajakan tamat dan berpindah milik kepada JAIS.

Dakwanya, tapak yang akan menempatkan sebuah sekolah tahfiz itu sudah mendapat kelulusan pihak kerajaan negeri namun kini menjadi kawasan longgokan sampah angkara pihak luar yang tidak bertanggungjawab.

"MPAJ harus memantau dan mengambil tindakan tegas tangani isu ini daripada bertukar kepada masalah lain seperti punca wabak penyakit kerana lokasinya yang terletak di tengah-tengah kawasan komersial dan perumahan penduduk Pandan Indah.

"Orang ramai termasuk penduduk dan peniaga sentiasa

memantau kenderaan yang mencurigakan keluar masuk di kawasan ini. Kami juga berharap kerjasama pihak kariah masjid berhampiran menjadikan tempat ini sebagai kawasan angkat mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian dalam tinjauan bersama sebahagian wakil penduduk sekitar yang turut hadir menyuarakan kebimbangan tapak berkenaan yang kini jadi tumpuan pengumpul bahan buangan yang sering memunggah sampah mencari besi buruk dan sebagainya untuk dibawa ke pusat kitar semula.

Sementara itu, Ahli Majlis MPAJ Zon 19, Abdul Jalil Hasan berkata, isu berkenaan telah dibawa kepada pendengaran

pihak berkuasa tempatan itu termasuk pada mesyuarat bulan-bulan baru-baru ini dan telah dipanjangkan kepada pihak JAIS melalui tiga pucuk surat makluman.

Katanya, usaha untuk bagi mendapatkan maklum balas masih belum berhasil dan sepatutnya pihak JAIS selaku pemilik tanah memagar tanah itu sebaik sahaja ia dikosongkan bagi mengelak daripada berlakunya pencerobohan.

"Diharap ada tindakan segera daripada pihak berkenaan bagi mengawal keadaan tercemar ini daripada bertukar kepada punca wabak penyakit denggi di kawasan kira-kira 2,000 penduduk berhampiran serta 700 pelajar SRA Pandan Indah," jelasnya.

um 22/12/17
M/S 26

KEADAAN tanah milik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menjadi tempat longgokan sampah berhampiran Masjid Al-Azim, Pandan Indah, Ampang Jaya, semalam. - UTUSAN/AMIN FARUJ HASAN



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Selangor belum bebas sampah
Muka Surat	27

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 22 DISEMBER 2017



LONGGOKAN sampah pual yang tidak dikutip kontraktor sejak tiga hari lalu di Taman Nusa Rhu U10, Shah Alam, Selangor. (GAMBAR KANAN) Seorang penduduk, Harleena Kassim menutup hidung semasa menunjukkan sampah yang tidak dikutip dan berbau busuk di perumahannya semalam.

Janji MB sekadar 'melepas batok ditangga'

Selangor belum bebas sampah

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
kota@utusangroup.com.my

■ **SHAH ALAM 21 DIS.**

JANJI Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mahu menyelesaikan isu kutipan sampah di Selangor dilihat seolah-olah sekadar 'melepas batok ditangga' sahaja apabila rakyat khususnya di bandar raya ini terus berdepan dengan masalah itu.

Walaupun Timbalan Presiden Pakatan Rakyat itu pernah memberikan nombor telefon bimbit peribadi menerusi akaun Twitternya pada 4 November 2014 supaya orang ramai boleh membuat aduan secara terus mengenai isu itu, ia tidak lebih daripada gimik semata-mata bagi merah keutungan politik.

Isu yang semakin meruncing dan berterusan itu jelas menunjukkan tiada sebarang komitmen diberikan oleh kerajaan negeri untuk menanganinya secara serius.

Buktinya, hari ini, para penduduk di kawasan Taman Nusa Rhu dan Taman Puncak Perdana, Seksyen U10, di sini sekali lagi mendesak Mohamed Azmin segera menyelesaikan isu tersebut.

Rata-rata penduduk yang ditemui berasa terkilan dan berang dengan tindakan kerajaan negeri mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT) yang seolah-olah menutup mata dalam isu tersebut.

Dakwa penduduk, kontraktor yang dilantik gagal melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah mengikut jadual sehingga menyebabkan penduduk terpaksa menanggung derita.

Selain sampah bertimbun tidak dikutip sehari-hari sehingga berulat, mereka juga turut terganggu dengan bau busuk sekali gus

mengundang kepada risiko kesihatan.

Seorang penduduk Taman Nusa Rhu, **Harleena Kassim**, 49, berkata, ada masanya sampah di kawasan kediamannya tidak dikutip lima hingga enam hari menyebabkan suasana di hadapan rumah semakin memandangkan menjijikkan.

Menurutnya, kegagalan kerajaan negeri dan PBT memantau pihak kontraktor melaksanakan kerja-kerja kutipan mengikut jadual menyebabkan penduduk terpaksa mencium bau sampah setiap hari.

"Bila kami mengadu sampah tidak dikutip yang datang bukan lori kompaktor tetapi lori kecil yang langsung tidak menepati spesifikasi.

"Air sampah keluar meleleh sehingga memenuhi atas jalan di

kawasan perumahan kami," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, **Shahrul Nizam Nawawi**, 39, berkata, masalah itu telah dikemukakan kepada pihak berwajib, namun tiada sebarang tindakan diambil sehingga hari ini.

Tegasnya, kerajaan negeri tidak seharusnya memandang ringan isu tersebut yang jelas telah menjejaskan kualiti dan kesejahteraan penduduk di situ.

"Anak-anak pun sukar untuk bermain di luar rumah disebabkan udara tidak nyaman berpunca daripada sampah yang membusuk dari sehari ke sehari," katanya.

Turut meluahkan perasaan sama penduduk di Taman Puncak Perdana, **Noor Azman Bakar**, 45.

Dia berkata, isu ini seperti tiada penyelesaian apabila banyak aduan daripada rakyat yang tidak berpuas hati dengan komitmen kerajaan negeri dalam pengurusan sampah.



NOOR AZMAN BAKAR



SHAHARUL NIZAM NAWAWI



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penuh sampah domestik, binaan
Muka Surat	23

SINAR HARIAN • JUMAAT 22 DISEMBER 2017

HUBUNGAN SIARAN AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003.

AMPANG . HULU LANGAT

23

Penuh sampah domestik, binaan

Penduduk, NGO gesa MPAJ tangani isu tapak pelupusan sampah haram yang wujud sejak dua bulan lalu

PANDANINDAH—Penduduk menggesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) segera tangani tapak pelupusan sampah haram di kawasan lapang bersebelahan Masjid Al-Azim Pandan Indah.

Timbalan Pengerusi Persatuan Generasi Rekreasi Ampang Jaya, A Razak A Wahab berkata, pihaknya mendapati lokasi tapak pelupusan sampah haram itu wujud sejak dua bulan lalu.

“Kawasan lapang ini dianggarkan seluas hampir 1.2 hektar, sebahagiannya telah dipenuhi sampah domestik dan sisa binaan.

“Kami pun tak tahu bila individu tak bertanggungjawab ni buang sampah. MPAJ sepatutnya pantau dan ambil tindakan tegas...peniaga dan penduduk juga boleh beri kerjasama salur aduan ke-

pada MPAJ kalau nampak ada kenderaan yang mencurigakan keluar masuk di kawasan ini,” katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan menghantar memorandum kepada MPAJ dalam tempoh terdekat.

“Kami juga akan berbincang dengan Adun Chempaka, Datuk Iskandar A Samad untuk tindakan selanjutnya bagi menangani isu ini,” katanya.

Dalam pada itu, Iskandar berkata, beliau telah memaklumkan perkara tersebut kepada Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain untuk tindakan lanjut.

“Tapak tersebut berada di tengah-tengah pusat bandar Pandan Indah dan bersebelahan dengan Sekolah Rendah Agama Pandan Indah, Masjid Al-Azim, rumah kediaman dan pusat komersial. Ia akan beri kesan kepada orang ramai terutamanya pelajar-pelajar di sekolah tersebut apabila isu ini tidak segera diselesaikan.

“Tapak ini sebenarnya merupakan tapak Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITIS) di mana kontraktornya telah dilantik untuk projek pembinaan MITIS.

“Rakyat di Pandan Indah juga berharap MITIS dapat disiapkan mengikut jadual dan mahu isu ini diselesaikan segera,” katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis MPAJ, Abdul Jalil Hasan berkata, lot tanah tersebut adalah milik persendirian yang akan dibina MITIS.

“Sebelum ini, beberapa syarikat jualan kereta terpakai berada di atas tapak ini, selepas mereka meninggalkan tapak ini, pihak yang tidak bertanggungjawab telah buang sisa bangunan di sini.

“Pihak MPAJ ada bincangkan isu ini dan tindakan susulan yang boleh dibuat adalah dengan menghantar surat kepada pemilik tanah.

“Saya dimaklumkan MPAJ juga tiada kuasa untuk tindakan memagar, menghalang atau apa-apa juga tindakan ke atas tanah tersebut, ia adalah bidang kuasa pemilik tanah,” katanya.



A Razak (dua, kiri) bersama penduduk melihat keadaan di tapak pelupusan sampah haram itu.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 DISEMBER 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Tapak pelupusan sampah membimbangkan
Muka Surat	C4

C4 中國報
22/12/17
地點：班丹英達 學校毗鄰空地變垃圾場
公會提7訴求 促關注

(班丹21日訊) 安邦再也休閒時代公會 (Persatuan Rekreasi Generasi Ampang Jaya) 就班丹英達宗教小學毗鄰空地沦为非法垃圾場提出7項訴求，促請有關單位著手清空土地。

据悉，此空地面积约3亩，原是经营二手车买卖，自二手车商搬离后，非法垃圾场在约2个月前逐渐形成，大部分是建筑垃圾，目测非法垃圾场长度超过100公尺。

该公会主席阿都拉萨指出，这是开放式的空地，任何人都可以轻易将垃圾丢在该处，垃圾量日益增加，怀疑有不法人士在背后操控。

他直言，此地距离安邦再也市议会大厦相近，不可能市议会不懂得非法垃圾场的存在，若市议会知情，不应该坐视不理。

市議會應正視

“虽然这块地属于雪州宗教局，但是市议会身为地方政府，应该认真看待非法垃圾场的投诉。”阿都拉萨今日在记者会上指出，纳入7项诉求的备忘录会在近期内提呈给市议会。

他说，千百家州议员拿督依斯干达办公室已向市议会做出2次投诉，惟没有下文。

询及倾倒垃圾的时段，他说，对此事不清楚，并指监督非法活动是市议会责任，不应由大众来背负监督的责任。

“班丹区位于市中心，如今发生空地沦为非法垃圾场的事件，我们都感到羞耻。”



■阿都拉萨说，安邦再也休闲时代公会提出的7项诉求，会在近期内提呈给市议会。

市議員致函地主沒反應

安邦再也市议员加里指出，他在6月至11月前后4封公函给地主（即雪州宗教局），但都没有反应。

“我也在11月15日致函土地局，要求地主将空地围起，没有下文。”

他说，自空地沦为非法垃圾场，商民申诉衍生卫生问题，如滋生老鼠、蜘蛛、飘出臭味，有碍市容。

他强调，因不确定倾倒垃圾的行为是否获得地主同意，故市议会没有权力阻止他人将垃圾倾倒在土地。

“如果这是政府地段、公园地段，市议会便可以采取行动，但是这是有地主的地，市议会不能干涉。”

安邦再也休閒時代公會7項訴求

1. 市议会必须认证处理非法垃圾场问题。
2. 促雪州宗教局尽快展开一直被拖延的Maahad Integrasi Tahfiz Sains项目。
3. 促请雪州政府处理外劳在当地经商和乱丢垃圾的场事件不会重复发生。
5. 促请附近居民和商家提高爱护社区意识，协助监督进出空地的车辆和人。
6. 确保12月19日发生的火患不会再次发生，免得危及周遭的商民。

擔心有蛇築窩

★三苏斌 (Majlis Perundingan Rakyat Pandan 副主席)

非法垃圾场与宗教学校和清真寺相近，担心会有蛇筑窝，会威胁出没民众的安全。

空地不应该沦为非法垃圾场，我们也不晓得什么单位负责管理这块地，希望在媒体报导后，非法垃圾场能尽快被清空。

阻貨車被噓聲

★林玉妹 (班丹英達第4期睦邻计划委员)

非法垃圾场存在超过1个月，我曾经看过一辆破旧的货车前来倾倒垃圾，我出声阻止时，反而被对方呛声反驳。

非法垃圾场会飘出臭味，居民也常向睦邻计